

**Raja Muda Mahu Perkampungan Pelancongan Herba Tropika Direalisasikan  
Bernama  
11 Oktober, 2012**

KANGAR, 11 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu cadangan Perkampungan Pelancongan Herba Tropika Negara di Perlis direalisasikan bagi memikat kehadiran pelancong.

Titah baginda, Jabatan Perhutanan Perlis pernah mencadangkan Rimba Herba di Sungai Batu Pahat dekat sini dinaik taraf sebagai perkampungan itu dan sudah sampai masanya cadangan tersebut dilaksana.

Bertitah semasa melawat Rimba Herba itu pada Khamis, baginda yakin selepas dinaik taraf, Perkampungan Pelancongan Herba Tropika Negara akan menjadi pusat pelancongan bertaraf antarabangsa yang berupaya menjana pembangunan sosioekonomi penduduk.

Titah baginda, Rimba Herba Perlis yang menyimpan lebih 1,000 spesies tumbuhan terutama tumbuhan herba adalah yang pertama diwujudkan oleh Jabatan Perhutanan di negara ini.

Rimba Herba itu kini menjadi lokasi rujukan dan pusat kajian pelbagai jenis herba yang ada di Malaysia, Afrika, Papua New Guinea, Mexico, Singapura, Myanmar dan Thailand.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701177>